



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**27 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 585 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 215,664 kes. Sebanyak sembilan (9) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Kudat dan Pitas, manakala masing-masing satu (1) kes di Keningau, Kinabatangan, Kota Belud, Sandakan dan Tenom. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 462 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 205,115 orang. Manakala 1,798 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 712 orang di hospital, 1,054 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 31 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 79 orang merangkumi 76 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 94 (41.96%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kalabakan berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning (satu) 1 daerah
- Zon Merah 26 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Jumlah kes di Sabah mencatatkan sedikit peningkatan hari ini, iaitu sebanyak (+20) kes. Ini menjadikan jumlah kes baharu berjumlah (585) kes.
- b Sebanyak 13 daerah mencatatkan pertambahan kes, empat (4) darinya merekodkan peningkatan yang agak ketara iaitu Kinabatangan (+25) kes, Kota Kinabalu (+15) kes, Putatan (+13) kes dan Tambunan (+11) kes.
- c 12 daerah lagi mencatatkan penurunan kes dengan dua (2) merekodkan penurunan signifikan iaitu Ranau (-28) kes dan Keningau (-19) kes..
- d Sejumlah (206) kes atau 35.21% daripada kes terkumpul hari ini adalah jangkitan yang berpunca daripada Saringan Bergejala, kategori yang sinonim dengan kes sporadik. Kes-kes dalam kategori ini sering dikaitkan dengan kegagalan mematuhi SOP.
- e Walaupun jumlah kes harian mencatatkan penambahan tetapi 97.44% daripada jumlah kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Enam (6) kes lagi dalam Kategori 3, satu (1) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5. Sejumlah tujuh (7) kes lagi masih dalam penilaian JKNS.
- f Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (298) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	27	4.62%
2	Bergejala	206	35.21%
3	Kontak	298	50.94%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	54	9.23%
<b>JUMLAH</b>		<b>585</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (26 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 26/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 27/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kinabatangan	6	31	+25
2	Kota Kinabalu	49	64	+15
3	Putatan	6	19	+13
4	Tambunan	19	30	+11
5	Pitas	9	17	+8
6	Penampang	19	26	+7
7	Tawau	5	12	+7
8	Telupid	8	13	+5
9	Tuaran	23	27	+4
10	Sandakan	10	14	+4
11	Lahad Datu	17	20	+3
12	Semporna	1	3	+2
13	Kalabakan	2	3	+1
14	Beaufort	48	48	Mendatar
15	Kuala Penyu	3	3	Mendatar
16	Ranau	59	31	-28
17	Keningau	49	30	-19
18	Kudat	22	14	-8
19	Tongod	8	0	-8
20	Tenom	40	34	-6
21	Kunak	6	2	-4
22	Kota Marudu	38	36	-2
23	Papar	27	25	-2
24	Beluran	17	15	-2
25	Sipitang	13	11	-2
26	Nabawan	6	4	-2
27	Kota Belud	55	53	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>565</b>	<b>585</b>	<b>+20</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (13 Oktober – 26 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	33	19	0	12	64	792
Kota Belud	0	29	16	0	8	53	737
Beaufort	0	29	18	0	1	48	432
Kota Marudu	0	19	17	0	0	36	492
Tenom	0	21	13	0	0	34	493
Ranau	0	11	16	0	4	31	560
Kinabatangan	27	3	0	0	1	31	278
Keningau	0	10	16	0	4	30	496
Tambunan	0	24	3	0	3	30	244
Tuaran	0	16	5	0	6	27	424
Penampang	0	11	14	0	1	26	335
Papar	0	12	12	0	1	25	308
Lahad Datu	0	10	9	0	1	20	334
Putatan	0	10	8	0	1	19	209
Pitas	0	8	7	0	2	17	253
Beluran	0	10	3	0	2	15	206
Kudat	0	10	4	0	0	14	418
Sandakan	0	7	6	0	1	14	175
Telupid	0	12	1	0	0	13	103
Tawau	0	2	8	0	2	12	192
Sipitang	0	4	6	0	1	11	181
Nabawan	0	2	1	0	1	4	80
Kuala Penyu	0	2	0	0	1	3	61
Kalabakan	0	2	1	0	0	3	20
Semporna	0	0	2	0	1	3	58
Kunak	0	1	1	0	0	2	64
Tongod	0	0	0	0	0	0	65
<b>JUMLAH</b>	<b>27</b>	<b>298</b>	<b>206</b>	<b>0</b>	<b>54</b>	<b>585</b>	<b>8,010</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Sungai Bendera	27
<b>Jumlah</b>		<b>27</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,253 unit

- Hospital 1,906 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,877 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 28.85%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 27 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	577
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
<b>Jumlah</b>	<b>585</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Pakistan	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	545
Bukan Malaysia	40
<b>Jumlah</b>	<b>585</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	104
Belum Menerima Vaksin	78
Menerima 1 Dos	12
Lengkap 2 Dos	391
<b>Jumlah</b>	<b>585</b>

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	9
1 to 5	53
6 to 11	42
12 to 17	15
18 to 25	73
26 to 59	325
>60	68
<b>Jumlah</b>	<b>585</b>

**C. BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 27 Oktober 2021)</b>
	Tiada PKPD	

**D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 26 Oktober 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 18,793 orang. Daripada jumlah ini, seramai 13,155 orang adalah penduduk dewasa dan 5,638 orang adalah penduduk remaja.



- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 26 Oktober 2021 adalah seramai 2,409,440 orang. Ini meliputi 2,082,878 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.51% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,297,640 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,033,256 orang atau 73.71% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 326,562 orang atau 75.24% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 264,384 atau 60.92% orang setakat ini.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **659,325** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,507 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 113 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 20 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Bekalan 1961.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 954 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak satu (1) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau atas kesalahan pemilik premis tidak menyediakan hand sanitizer. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 361 premis perniagaan dan 516 individu di 18 kawasan. Tiga (3) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di AA Fashion House, Lido (1 Orang), New Electric Sdn. Bhd., Lido (1 Orang) dan E C Global Food Sdn. Bhd., Ding Ji, Gaya Street (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 254 Premis Perniagaan melibatkan 145 anggota APM. Satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 142 anggota di 170 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 13 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 47 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 420 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.6%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Penampang	98.5%
2	Kunak	98%
3	Ranau	98%
4	Tuaran	98%
5	Sipitang	98%
6	Beaufort	98%
7	Papar	97.5%
8	Keningau	97.5%
9	Tenom	97.5%
10	Kinabatangan	97.5%
11	Semporna	97.5%
12	Lahad Datu	97.5%
13	Kota Belud	97.5%
14	Sandakan	97.5%
15	Tawau	97.5%
16	Kota Marudu	97%
17	Beluran	97%
18	Kota Kinabalu	97%
19	Kudat	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**